

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 28 NOV 2017

RUJUKAN : 10377

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap keseriusan masalah sindiket sambung bayar kereta atau pajak kereta di Malaysia serta jumlah aduan yang telah diterima berbanding kes yang telah berjaya diselesaikan setakat ini.

17

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kes-kes sambung bayar dan pajakan kereta adalah melanggar peruntukan Akta Sewa Beli. Tindakan boleh diambil terhadap pemilik kenderaan yang menyerahkan kenderaan mereka untuk disambung bayar atau dipajak kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada pihak bank.

Masalah berlaku apabila pihak yang membeli secara sambung bayar atau pihak yang memajak tidak membayar ansuran bulanan kepada bank dan menyebabkan penama kenderaan disenarai hitam.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyiasat kes berunsur penipuan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. Sebanyak 74 kes sambung bayar telah dikenal pasti dan 4 kes pajakan telah disiasat oleh PDRM. Daripada jumlah tersebut, 46 kes masih dalam siasatan, 9 kes telah dituduh dan 23 kes lagi dikategorikan sebagai *No Further Action*.

Kementerian menasihatkan pemilik kenderaan supaya mematuhi prosedur yang ditetapkan dalam urusan penjualan atau pajakan kenderaan bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul pada masa hadapan. Pemilik kenderaan boleh berurusan dengan pihak bank untuk menjadualkan semula bayaran bulanan sekiranya tidak mampu membayar atas sebab-sebab tertentu dan bukan menyerahkan serta mempercayai pihak ketiga untuk menyelesaikannya.